

ULASAN BUKU

**Yi-Fu Tuan. 1977. *Space and Place: The Perspective of Experience*.
Minneapolis: University of Minnesota Press**

Afif Ahmad
Penyelidik Bebas
pasirmas9111@gmail.com
(*Corresponding Author)

ABSTRAK

Buku ini membincangkan tentang persoalan ruang dan tempat yang diperjelaskan menerusi pendekatan geografi humanistik. Ia merupakan sebuah pendekatan konseptual yang memfokuskan kepada manusia beserta keupayaannya yang unik untuk membentuk sebuah pengetahuan dan kefahaman yang jelas berkait hubungannya dengan lingkungan persekitaran mereka. Menurut pengarang Yi-Fu Tuan, pengalaman adalah suatu istilah yang meliputi kesemua kepelbagaian kaedah yang digunakan untuk mengetahui dan membentuk sesebuah realiti. Dengan menggunakan perspektif pengalaman ini, Tuan menjelaskan definisi ruang dan tempat yang melampaui definisi fizikal yang biasa. Beliau kemudiannya mengembangkan perbincangan kepada idea geografi peribadi dan geografi kebersamaan. Seterusnya, beliau juga menyelusuri bagaimana ruang mitos/mistik dan ruang seni bina mempengaruhi kesedaran manusia terhadap dunia mereka. Hubungan ruang dan masa adalah merupakan sebuah kesepaduan yang menyebabkan lahirnya elemen keintiman dan keterikatan seseorang terhadap sesuatu tempat. Di bahagian akhir buku ini, beliau memberikan sebuah rumusan tentang makna ruang dan tempat dari perspektif kepengalaman. Bagi Tuan, tempat adalah apabila kita hadir di situ dan mengalami, lantas melahirkan makna dan ingatan.

ABSTRACT

This book explores the concepts of space and place through the lens of humanistic geography. It presents a conceptual approach that emphasizes the unique human capacity to create knowledge and understanding in relation to their environment. According to the author, Yi-Fu Tuan, experience encompasses the various methods used to comprehend and shape reality. By adopting this experiential perspective, Tuan offers a definitive understanding of space and place that transcends conventional physical definitions. He further develops the discussion to include

personal geography and collective geography. Additionally, he examines how mythical/mystical spaces and architectural spaces influence human awareness of their surroundings. Furthermore, the relationship between space and time forms a unity that fosters intimacy and attachment to specific places. In the concluding section of the book, Tuan summarizes the meaning of space and place from an experiential viewpoint. For him, a place is defined by our presence and experiences within it, leading to the creation of meaning and memory.

PENDAHULUAN

Yi-Fu Tuan merupakan sarjana yang berusaha untuk menjelaskan geografi humanistik sebagai satu sub-bidang berasaskan ilmu geografi. Pendekatan geografi humanistik ini menekankan kesedaran individu atau kumpulan beserta pengalamannya berkait hubungan yang berlaku antara manusia dan lingkungan persekitaran mereka. Dalam hal ini, peranan agensi manusia sebagai makhluk rasional dipertegas dengan keupayaannya untuk mencerap, berfikir, berinteraksi dan memahami lingkungan persekitarannya secara aktif berbanding sebelumnya hanya pasrah sebagai penerima yang pasif semata-mata.

Sebagai latar belakang, pendekatan geografi humanistik paling menonjol pada tahun 1970-an sehingga 1980-an dengan penghasilan banyak karya-karya penyelidikan yang signifikan oleh beberapa sarjana penting dalam sub-bidang ini (Cresswell 2013). Salah satu karya terkemuka yang telah dihasilkan dalam tempoh ini ialah "*Space and Place: The Perspective of Experience*" karangan Yi-Fu Tuan. Buku ini menyelongkar persoalan ruang dan tempat berdasarkan perspektif kepengalaman individu atau kumpulan yang terlibat. Untuk membahaskannya, beberapa tema penting telah dikenalpasti sebagai inti kepada perbincangan buku ini.

DEFINISI RUANG, TEMPAT, DAN PERSPEKTIF PENGALAMAN

Sebelum meninjau lanjut, hal pertama yang perlu diperjelaskan adalah persoalan definisi topik atau istilah perkataan yang digunakan oleh penulis. Apabila kita melepasi peringkat definisi, tentunya akan memudahkan perbincangan seterusnya. Langkah yang serupa diambil oleh Tuan dengan mendatangkan definisi tentang ruang, tempat dan perspektif pengalaman dalam dua bab awal bukunya ini. Baginya, ruang dan tempat adalah dua hal yang sangat berkait rapat dan saling bergantung antara satu sama lain.

Beliau telah mendefinisikan tempat dengan memerihalkan ruang dalam ungkapannya, "*if we think of space as that which allows movement, then place is pause*". Dalam kata lain, tempat adalah keadaan berhenti sebentar manakala ruang pula adalah tentang keadaan lapangan terbuka untuk tindakan dan pergerakan. Beliau menambah lagi bahawa tempat adalah sebuah keamanan dan ruang adalah tentang sebuah kebebasan dengan ungkapannya, yakni "*place is security, space is freedom*." Daripada definisi-definisi ini, ternyata perbincangan tentang tempat dan ruang

melampaui perbincangan sebatas sebuah lokasi mahupun wilayah. Bahkan, perbincangan ini telah bersangkutan dengan elemen persepsi, kesedaran dan pengalaman manusia itu sendiri sehingga berupaya untuk mewujudkan sebuah ikatan afektif di antara manusia dengan sesuatu tempat (Cresswell 2004).

Bagi menjelaskan tentang pengalaman pula, Tuan telah melakukan pembahagian kepada dua fokus utama iaitu tentang sifat pengalaman dan sifat perspektif dari pengalaman. Pembahagian ini menjelaskan dua perbezaan yang agak ketara. Pertamanya, pengalaman merujuk kepada keadaan yang kita alami secara rutin, berulang-ulang, dianggap remeh (*taken for granted*) dan kebiasaannya berada pada tahapan minda bawah sedar kita. Manakala yang keduanya pula ialah pengalaman sebagai keadaan tatkala tahapan minda sedar kita berusaha untuk mengingat kembali, merenung dan berfikir tentang pengalaman yang kita telah alami sekaligus menghasilkan sebuah perspektif tersendiri yang mengandungi persoalan idea, makna dan pengetahuan berkait pengalaman-pengalaman tersebut.

Secara umumnya, pengalaman boleh difahami sebagai suatu istilah yang meliputi kesemua kepelbagaian kaedah yang digunakan seseorang untuk mengetahui dan membentuk sesebuah realiti (Tuan 1975). Kepelbagaian kaedah ini merujuk kepada serangkaian keupayaan manusiawi terutamanya deria, akal budi dan perasaan yang digunakan sama ada secara aktif atau pasif. Dalam kata lain, pengalaman adalah sesuatu yang diarahkan kepada dunia luar yakni di luar diri. Apabila kita melihat kepada sesuatu, apabila kita berfikir tentang sesuatu, makanya semua ini adalah suatu keadaan yang diistilahkan oleh Tuan sebagai “*intentionality*”, yakni keterarahan kepada sesuatu.

Dalam ungkapan lain, keadaan ini terwakil dengan tindakan belajar, yakni belajar tentang sesuatu yang kita arahkan kepadanya. Tindakan ini juga adalah sebuah proses untuk memperolehi suatu pengetahuan dan kefahaman yang konkrit terhadap sesuatu. Hal ini akan menatijahkan dua perkara iaitu: pertamanya menunjukkan kualiti-kualiti tertentu yang dirasai oleh seseorang sama ada terhadap benda, tempat, seseorang bahkan dunia ini sendiri (bersifat luaran), dan keduanya mempengaruhi diri seseorang yang mengalami tersebut secara batin kemudian membentuk suatu sudut pandang dunia tersendiri terhadap sesuatu realiti (bersifat dalaman).

IDEA TENTANG GEOGRAFI PERIBADI VS GEOGRAFI KEBERSAMAAN

Perbincangan berkait geografi peribadi sudah muncul lebih awal lagi (Cresswell 2013). Lazimnya, perbincangan ini merujuk kepada satu set tempat yang unik di mana setiap orang menghabiskan sebahagian besar masanya sekaligus merangkai hubungan antara mereka dan tempat-tempat tersebut lantas mempengaruhi dan membentuk peribadi dan identiti masing-masing. Ini diibaratkan seperti sebuah peta yang mempersembahkan pengalaman, ingatan dan harapan mereka sehingga telah memaknai dunia mereka. Tuan telah menyediakan sebuah landasan perbincangan yang fundamental berkait hal ini dengan meletakkan peringkat yang paling asas bagi kehidupan manusia iaitu tahap kanak-kanak. Semakin meningkat tahap perkembangan seorang manusia,

maka semakin kaya pula pengalaman dan pemaknaan baginya. Lebih menarik, Tuan membahaskan hal ini secara lebih dalam menerusi idea perwakilan tubuh badan manusia untuk menunjukkan tentang keberadaan manusia di atas bumi ini. Bagi Tuan, tubuh badan setiap manusia yang sebenarnya sudah menyediakan sebuah konsep pemahaman yang mengandungi penjelasan tentang nilai-nilai ruang. Contohnya ialah perbezaan di antara keadaan seseorang yang sedang berdiri dan seseorang yang sedang berbaring. Sudah pasti orang yang sedang berdiri akan mendapat manfaat yang lebih baik daripada nilai-nilai ruang di mana dia berada.

Kemudian, Tuan juga membincangkan tentang hubung kait antara kemampuan ruangan, pengetahuan ruangan dan tempat. Menurut Tuan, kemampuan ruangan bermaksud kemampuan manusia untuk mengalami ruang yakni bergerak dalam ruang, mengenalpasti, mempelajari dan menguasainya sehingga terwujudnya pemaknaan pada setiap bahagian di dalam ruang tersebut. Kemudiannya, ruang tersebut akan berubah menjadi tempat walaupun pada awalnya ruang tersebut belum terbiasa dan belum terbezakan. Menurut Tuan lagi, kemampuan ruangan terlebih dahulu akan berkembang secara bertahap di dalam kehidupan manusia berbanding pengetahuan ruangan. Kemampuan ruangan akan menjadi pengetahuan ruangan apabila setiap pergerakan di dalam sesebuah ruang dan perubahan-perubahan lokasi di dalam ruang tersebut dapat dibayangkan. Walau bagaimanapun, pengetahuan ruangan juga membantu dalam prosesnya untuk meningkatkan kemampuan ruangan seseorang.

Hakikatnya, geografi kebersamaan bertentangan dengan geografi peribadi. Geografi kebersamaan merujuk kepada keadaan seseorang yang hidup bersama membentuk sebuah rangkaian hubungan. Menurut Tuan, hubungan-hubungan peribadi yang terjalin sesama mereka juga mengandungi penjelasan tentang nilai-nilai ruang. Penggunaan perkataan “kita/kami” dan “mereka” dalam perbualan harian menyiratkan makna jarak, yang tidak hanya tentang jarak fizikal tetapi juga jarak abstrak yang melibatkan elemen pengalaman dan perasaan. Daripada idea geografi kebersamaan ini juga, Tuan telah membahaskan tentang pengalaman kelapangan dan kesesakan. Kelapangan adalah keadaan mempunyai banyak ruang dan rasa bebas manakala kesesakan adalah sebaliknya. Dalam kata lain, Tuan berpendapat bahawasanya kesesakan adalah kesesakan bersama kehadiran manusia yang lain dan benda/objek yang bersifat material seperti alam dan binaan-binaan manusia. Kesesakan ini juga turut mempengaruhi pembentukan pengalaman dan pemaknaan bagi setiap manusia.

KESEDARAN RUANG MITOS/MISTIK DAN RUANG SENI BINA

Menurut Tuan, mitos adalah satu perkara yang selalu dipertentangkan dengan realiti lantaran dianggap tidak mempunyai pengetahuan yang tepat dan memuaskan. Namun, mengabaikannya adalah tindakan yang tidak patut kerana ia adalah suatu sistem kepercayaan yang melibatkan cara pandang dunia seseorang atau sekelompok orang tertentu. Ruang mitos merupakan sebuah hasil pembentukan intelektual. Ia membuahkan sebuah sudut pandang dunia yang menjadi pegangan kepada seseorang atau sekelompok manusia. Ia merupakan sebuah usaha yang sistematik yang dilakukan oleh seseorang atau sekelompok manusia untuk memahami dan memunasabahkan dunia dan lingkungannya. Hal ini kerana untuk dunia ini boleh didiami, justeru manusia mesti

mempamerkan sebuah hubungan ketertiban dan kesesuaian yang harmoni. Maka, atas sebab ini manusia dengan daya agensinya akan berusaha untuk memahami dunia ini dan membentuk sudut pandang dunia mereka yang tersendiri.

Ruang yang kedua yang menjadi elemen penting dalam pengalaman manusia adalah ruang seni bina. Ia dianggap sebagai idea yang berseberangan dengan ruang mitos kerana ia nyata dan wujud. Perbincangan dimulakan dengan premis yang mengatakan bahawa semua manusia bahkan termasuk haiwan, tinggal di dalam sebuah lingkungan yang mereka bina sendiri. Apabila seseorang manusia ingin membina sesuatu seperti rumah, maka itu dilaksanakan dalam keadaan sedar. Kesedaran adalah berkaitan sebuah kualiti bagaimana seseorang menyedari setiap tindakannya. Paling asas dan paling awal, seseorang perlu menyedari di manakah lokasi yang hendak dibina, apakah bahan yang diperlukan untuk membinanya dan bagaimanakah bentuknya. Kemudian, apabila rumah tersebut sudah siap dibina, maka binaan tersebut akan mempengaruhi perasaan dan kesedaran manusia. Sesebuah ruang jika semata-mata ruang kosong, pengaruhnya mungkin terawang-awang dan bersifat sekejap, akan tetapi apabila ruang tersebut dibina sebuah rumah, maka pengaruhnya lebih tertumpu dan meresap menjadi pengalaman dan pemaknaan. Dalam hal ini juga, Tuan telah mengkritik secara halus tentang hierarki dan susunan sosial dalam sesebuah masyarakat melalui lokasi dan keadaan sesebuah seni bina, yakni tergambar menerusi perbezaan kawasan rumah orang kaya dengan kawasan rumah orang miskin.

HUBUNGAN RUANG-MASA, KEINTIMAN DAN KETERIKATAN

Pengalaman adalah aktiviti atau proses yang menjelmakan kesepaduan antara ruang dan masa. Perbincangan ini terserlah dari sudut kepengalamanan iaitu dimensi yang lebih bersifat subjektif yang diorientasikan kepada potensi dan pengalaman manusia. Masa yang ditanggapi bukan masa yang semata-mata nombor berapa minit atau berapa jam, tetapi masa yang sudah diserap masuk ke dalam dunia fikiran dan dunia perasaan hasil daripada proses mengalami yang berterusan. Beliau menganalogikan dengan bakat manusia yang sentiasa mempunyai tujuan. Apabila seseorang mempunyai tujuan, maka dia dapat memanipulasikan ruang dan masa dalam sebuah perancangan untuk mencapai tujuannya. Keberadaannya dalam dimensi ruang dan masa tersebut secara berterusan akan membentuk sebuah keterikatan antaranya dengan sesuatu tempat lalu membentuk pengalaman dunia ruang-masanya yang tersendiri. Selain daripada itu, Tuan juga menyebut dalam perbincangan hal ini bahawa ruang adalah berhubungan sangat rapat dengan elemen sejarah dan pensejarahan (masa). Jika kita membelek gambar-gambar di dalam telefon pintar kita, maka pastinya ada sejarahnya yang tersendiri dan latar masanya kenapa gambar tersebut kita ambil. Dengan menerima dan memahami semua maklumat tentang gambar tersebut, maka kita berupaya untuk menyusun atur elemen-elemen visual yang wujud di dalam gambar tersebut menjadi sebuah struktur kesedaran terhadap ruang-masa yang bersifat dramatik. Hal yang sama juga berlaku jika kita memasuki ke dalam bangunan muzium atau seorang ahli geologi yang menyelidik tentang binaan-binaan zaman dahulu.

Daripada perbincangan hubungan ruang-masa dalam pengalaman seseorang di atas, kata kunci pentingnya adalah tentang persoalan keterikatan; yakni, ada sesuatu yang menjalin-ikat antara manusia dengan tempat. Sehubungan dengan ini, Tuan membahaskan pengalaman-pengalaman intim manusia terhadap tempat. Hemat Tuan, keintiman ini merupakan pengalaman yang tertanam dalam diri seorang manusia. Tuan mendatangkan contoh pengalaman intim seseorang terhadap rumah. Rumah adalah permulaan kehidupan dan pengakhiran kehidupan seseorang dalam sehari. Rumah juga dianggap sebagai tempat perawatan dan penyegaran diri untuk memenuhi keperluan dan tujuan kehidupan. Namun, Tuan menimbulkan persoalan yang menarik iaitu adakah perasaan intim kepada sesebuah rumah (tempat) akan sentiasa kekal? Adakah tempat itu sendiri berupaya mendatangkan rasa kekekalan tersebut atau sebenarnya tempat itu hanya sebagai satu bekas yang isinya adalah hubungan dan ikatan manusia yang wujud di tempat tersebut? Menurut Tuan, pengalaman intim seseorang terhadap sesuatu tempat berintisarikan kepada pengalaman hubungan dan ikatan intim manusia yang terjalin di tempat tersebut.

Seterusnya, Tuan membangkitkan bagaimana rasa keterikatan seseorang terhadap tanah airnya boleh terhasil. Tempat wujud dalam pelbagai skala dalam kehidupan seseorang. Tanah air merupakan salah satu tempat yang penting dalam kehidupan seseorang kerana di situ mungkin tempat tumpah darah kelahirannya, tempat membesar, tempat belajar dan tempat mencari rezeki. Oleh sebab itu, rasa keterikatan yang kuat kepada tanah air itu boleh terhasil dalam diri seseorang. Tuan memulakan hujah kenapa rasa keterikatan seseorang terhadap tanah air itu terhasil kerana di situ adalah tempat didirikan rumahnya (*field of care*). Idea keterikatan ini juga mirip dengan idea keberakaran (*rootedness*). Seseorang merasa bahawa dirinya mempunyai asal usul bagaimana dirinya bermula. Antara faktor yang mendorong kepada penghasilan rasa ini yang dikemukakan oleh Tuan adalah faktor agama dan faktor ingatan terhadap sejarah yang indah dan pencapaian-pencapaian luar biasa yang telah dicapai oleh nenek moyang mereka.

SEBUAH MAKNA TENTANG TEMPAT DARI PERSPEKTIF PENGALAMAN

Di dua bab terakhir buku ini, Tuan berusaha untuk mendatangkan makna tentang tempat melalui dua pendekatan. Pendekatan pertama, tempat dari sudut kebolehlihatan (*visibility*). Ia lebih kepada tempat dari sudut fizikal. Tempat secara asasnya adalah apa-apa objek yang stabil yang berupaya menangkap perhatian kita. Apabila kita melihat pemandangan, mata kita akan memerhati dan berhenti pada suatu titik perhatian kita. Objek yang menjadi titik perhatian kita itu yang disebut sebagai kebolehlihatan yang pastinya adalah nyata dan wujud. Daripada definisi ini, kita memahami bahawa tempat boleh wujud dalam pelbagai skala seperti bangunan, kampung, daerah, negeri dan negara. Sementara pendekatan kedua pula merupakan kesimpulan penting yang dibawakan oleh Tuan tentang makna tempat dari perspektif pengalaman. Beliau membincangkan tentang hal ini dalam bab "*Time and Place*".

Tuan membentangkan tiga kaedah untuk memahami makna tempat ini. Kaedah pertama adalah dengan melihat kepada masa sebagai suatu pergerakan dan tempat sebagai suatu persinggahan

dalam arus masa yang bergerak itu. Tuan menjelaskan perkara ini dengan mempertalikan tiga unsur iaitu masa, tempat dan agensi manusia. Manusia sebagai makhluk hidup sentiasa akan melalui proses perkembangan sesuai dengan keperluan dan keinginan yang perlu dipenuhi. Apa yang dimaksudkan dengan keinginan dan keperluan itu merupakan sebuah matlamat yang hendak dicapai. Matlamat adalah merupakan kedua-duanya sekaligus iaitu satu titik dalam masa dan satu titik dalam ruang. Maka, dengan itu, manusia akan mengalami masa dan tempat secara serentak di mana masa bersifat mengalir dan tempat pula bersifat persinggahan yang menyiratkan dunia makna yang rencam dan berlapis-lapis. Dalam erti kata yang lebih ringkas, manusia hadir di situ.

Selanjutnya, kaedah kedua adalah melalui kesedaran bahawa sebuah rasa keterikatan seseorang terhadap suatu tempat adalah merupakan bahagian daripada fungsi masa. Hal ini bermaksud seseorang perlu mengambil tempoh masa tertentu untuk mengetahui, mengalami dan menghasilkan sebuah “rasa” terhadap sesuatu tempat. Pengetahuan abstrak tentang sesuatu tempat memang boleh diperolehi dalam tempoh yang singkat dengan membaca sebagai contoh. Kualiti visual sesebuah lingkungan juga boleh diperolehi jika kita memerhatikannya. Tetapi, sebuah “rasa” kepada tempat tersebut perlu mengambil masa yang lama untuk memperolehinya. Ia merupakan satu campuran yang unik antara penglihatan, pendengaran, pembauan serta hubungan keharmonian di antara irama-irama semulajadi dan buatan manusia yang wujud di tempat tersebut. Ia bersifat meresap dan terbenam dalam pengetahuan bawah sedar kita. Dalam erti kata yang lebih ringkas, makna terbit dari keadaan ini.

Kaedah ketiga adalah melalui pemahaman bahawa tempat sebagai bentuk ingatan kepada masa lalu. Ia merupakan rangkaian kesinambungan daripada pendekatan pertama dan kedua. Apabila manusia tidak mempunyai pilihan lain selain mesti mengalami masa dan tempat (pendekatan pertama), maka dengan itu sudah pasti ada tempat-tempat tertentu yang spesifik yang dialami oleh setiap individu sehingga menatijahkan pemaknaan terhadap tempat-tempat tersebut (pendekatan kedua). Kemudian, tempat-tempat tersebut seiring dengan berjalannya masa, akan memasuki suatu dimensi masa yang spesifik iaitu masa lalu (pendekatan ketiga). Dimensi masa lalu ternyata mempunyai tujuan yang spesifik yang mendorong kita mencari akar pengetahuan tentang tempat tersebut ke arah penghasilan identiti yang jelas kepada manusia yang mendiami tempat tersebut. Dalam erti kata yang lebih ringkas, proses ingatan telah berlaku dalam konteks ini.

KESIMPULAN

Tuan memberikan kesimpulan kepada buku ini dalam bab terakhir iaitu bab epilog. Beliau menyatakan bahawa pengalaman atau dalam kata kerja “mengalami” sebenarnya adalah sebuah aktiviti dan proses pembelajaran. Tempat-tempat pada mulanya kita tidak tahu, tetapi apabila didedahkan dengan pengalaman, maka akhirnya tempat tersebut menjadi biasa bagi kita. Sebuah ruang abstrak yang tidak memberikan apa-apa kepentingan signifikan kepada kita sekarang boleh berubah menjadi tempat yang konkrit bagi kita yang dipenuhi dengan makna-makna tersendiri. Hal inilah yang dimaksudkan oleh Tuan tentang pengalaman adalah aktiviti pembelajaran

meskipun bukanlah dalam bentuk pembelajaran dengan pengetahuan dan arahan yang formal. Tuan juga mengkritik para ahli sains sosial yang meminggirkan data-data bentuk pengalaman kerana dianggap tidak memenuhi konsep-konsep yang diambil secara tidak kritis daripada sains fizikal. Oleh sebab itu, menurut Tuan lagi pembinaan pengetahuan dan pemahaman kita terhadap realiti akan menjadi bermasalah dan tidak mendalam. Tuan menutup buku terpentingnya ini dengan mempertegaskan kembali tujuan utama utamanya adalah untuk meningkatkan beban kesedaran yang sejalan dengan dorongan dan upaya geografi yang bersifat humanistik. Hal ini bermaksud menggali makna dan pengetahuan yang berada di sebalik sesebuah pengalaman yang memerlukan seseorang itu berada dalam mod kesedaran untuk menghasilkan perspektif kepengalamannya.

RUJUKAN

- Cresswell, Tim. 2004. *Place: A Short Introduction*. Blackwell Publishing.
- Cresswell, Tim. 2013. Humanistic Geographies. In *Geographic Thought: A Critical Introduction*. Oxford: Wiley-Blackwell.
- Tuan, Yi-Fu. 1975. Place: An Experiential Perspective. *The Geographical Review* 65(2): 151-165
- Tuan, Yi-Fu. 1977. *Space and Place: The Perspective of Experience*. Minneapolis: University of Minnesota Press